

20/05/2004

Pulau Tioman tidak boleh ikut acuan Langkawi: Dr M

By Rosli Abdul Jalil

PULAU TIOMAN: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pembangunan di Pulau Tioman tidak boleh dibuat berdasarkan acuan pembangunan di pulau bebas cukai dan peranginan lain seperti Langkawi atau Labuan.

Beliau yang juga Penasihat Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) berkata, Tioman berbeza dengan Langkawi, terutama penduduknya yang tidak ramai dan jenis pembangunan diperlukan juga agak berbeza.

Sehubungan itu, beliau berkata, Kerajaan Pahang perlu menentukan jenis pembangunan yang hendak dilaksanakan dengan mengambil kira had kawasan yang dibangunkan, termasuk masalah kekurangan bekalan air.

"Kita hendak mengekalkan alam sekitar di Tioman dan kita tidak mahu pembangunan yang boleh menyebabkan pencemaran.

"Jadi, sama ada Pulau Tioman hendak dibangunkan secara pesat atau tidak, perlulah ditentukan oleh Kerajaan Pahang sendiri," katanya pada sidang media sebelum mengakhiri lawatan dua harinya ke pulau ini, semalam.

Sepanjang lawatannya itu, Dr Mahathir turut meninjau projek pembinaan marina di Kampung Tekek, Taman Laut, Kampung Air Hantu dan Kampung Salang.

Turut mengiringi beliau ialah Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Maznah Mazlan dan Pengurus Besar TDA, Hashim Manaf.

Malam kelmarin, Dr Mahathir diraikan pada majlis makan malam oleh Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan pemimpin masyarakat Pulau Tioman.

Ditanya sama ada Pulau Tioman mampu membangun seperti Langkawi, Dr Mahathir berkata, beliau hanyalah penasihat pembangunan Tioman, terpulang kepada penduduk Tioman dan kerajaan negeri menentukan jenis pembangunan yang hendak dilaksanakan.

Mengenai sama ada konsep pembangunan bersepadu boleh dilakukan di semua pulau di negara ini termasuk pulau Tioman, Dr Mahathir menyifatkannya sebagai idea yang baik.

Bagaimanapun, katanya, setiap pulau ada cirinya tersendiri dan tiada satu pelan pembangunan yang boleh digunakan untuk semua pulau.

"Sebaliknya, kita perlu mengkaji pulau tertentu berdasarkan potensinya. Misalnya, kita tidak boleh wujudkan Pusat Kewangan Pesisir Pantai di Tioman sebagaimana di Labuan. Kita juga tidak boleh buat pembangunan di Tioman sebagaimana kita lakukan di Langkawi kerana Langkawi sebuah pulau yang berbeza," katanya.

Malaysia, katanya, mempunyai banyak pulau dan setiap satunya mempunyai ciri tersendiri dan perlu dikaji berasingan serta membuat perancangan berdasarkan potensi setiap pulau.

"Seperti yang saya katakan Tioman tidak mempunyai kawasan yang luas, sebaliknya berbukit bukau, soalnya apakah bukit ini boleh dibangunkan dengan cara yang tidak menjejaskan alam sekitar.

"Sebaliknya di Langkawi, kita tidak bertumpu sangat kepada bukit, walaupun kita buat jalan hingga ke puncak, tapi kita tidak buat pembangunan banyak di bukit, kita tumpu pembangunan di pantai," katanya.

(END)